



## KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

13 JUN 2021

### MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Sejak pelaksanaan *total lockdown* atau sekatan perjalanan penuh yang bermula 1 Jun 2021, kes baharu COVID-19 mula menunjukkan penurunan. Semoga trend positif ini akan berterusan sehinggalah kita dapat mengekang sepenuhnya penularan wabak pandemik ini.

Dalam hal ini, operasi pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih terus ditingkatkan dengan penguatkuasaan dilaksanakan secara holistik membabitkan semua peringkat.

Namun sejak akhir-akhir ini, kita menyaksikan jumlah individu yang ditahan atas pelanggaran SOP masih tinggi iaitu melebihi 800 orang sehari.

Justeru, saya berharap agar kita semua patuhi SOP yang ditetapkan kerana tanggungjawab mengekang penularan COVID-19 memerlukan kerjasama segenap lapisan rakyat.

## **PKPD Kampung Tabuan Hj. Drahman, Kuching, Sarawak**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tabuan Hj. Drahman, Kuching, Sarawak.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang mendadak di lokaliti tersebut di mana 54 kes positif telah direkodkan dari 138 ujian saringan yang dijalankan dengan kadar positifiti 39.1%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Tabuan Hj. Drahman, Kuching, Sarawak berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memudahkan KKM menjalankan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan, seterusnya menghalang penularan keluar dari kawasan tersebut.

## **PKPD Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau, Sabah.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi apabila sebanyak 10 kes positif telah direkodkan hasil daripada 17 ujian saringan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau, Sabah dari 15 Jun hingga 28 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan serta menghalang penularan jangkitan ke komuniti luar.

### **PKPD Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh dua (2) minggu di lokaliti tersebut di mana 10 kes positif telah direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko kekal berada dalam kawasan PKPD dan menyekat pergerakan serta penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD Dua (2) Lokaliti Di Daerah Tuaran, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di daerah Tuaran, Sabah melibatkan:

- Taman Telipok Jaya
- Kampung Penimbawan

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh seminggu di kedua-dua lokaliti tersebut di mana 10 kes positif telah direkodkan dari 11 ujian saringan yang dijalankan di Taman Telipok Jaya manakala 13 kes positif dari 77 ujian saringan di Kampung Penimbawan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Telipok Jaya dan Kampung Penimbawan, Tuaran, Sabah berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko kekal berada dalam kawasan PKPD dan menyekat pergerakan serta penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh seminggu di lokaliti tersebut di mana lapan (8) kes positif telah direkodkan dari 20 penduduk yang disaring di kawasan ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 15 Jun sehingga 28 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko kekal berada dalam kawasan PKPD dan menyekat pergerakan serta penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **Pelanjutan PKPD Taman Pelangi, Semporna, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Pelangi, Semporna, Sabah yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 71 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Taman Pelangi, Semporna, Sabah sehingga 28 Jun 2021.

### **Pelanjutan PKPD Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 832 ujian saringan dan 86 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah sehingga 28 Jun 2021.

### **Penamatan Awal PKPD Jalan Klias 2 & 3, Beaufort, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Klias 2 & 3, Beaufort, Sabah yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 492 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 30 kes positif telah direkodkan.

KKM mengesahkan baki kes aktif dilokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal serta kesemua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Jalan Klias 2 & 3, Beaufort, Sabah 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan.

## **Penamatan Awal PKPD Kg. Kuala Menggatal, Kota Kinabalu Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Kuala Menggatal, Kota Kinabalu Sabah yang dijadualkan tamat pada 15 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 304 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 10 kes positif telah direkodkan.

KKM mengesahkan baki kes aktif dilokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal serta kesemua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kg. Kuala Menggatal, Kota Kinabalu Sabah 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Kampung Assam, Lahad Datu, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Assam, Lahad Datu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.

Sehingga kini, sebanyak 9 kes positif COVID-19 telah direkodkan dilokaliti dari 23 ujian saringan yang dilakukan dan KKM mengesahkan kesemua kes positif tersebut telah diasingkan dan dirawat.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Assam, Lahad Datu, Sabah 14 Jun 2021 (jam 11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD di Dua (2) Perkampungan di Kota Belud, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Dua (2) Perkampungan di Kota Belud, Sabah iaitu di Kampung Payas-Payas dan Kampung Rampayan Laut yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 146 ujian saringan di Kampung Payas-Payas dan 12 positif telah direkodkan di lokaliti ini. Manakala sebanyak 15 kes positif telah direkodkan hasil saringan ke atas 197 penduduk di Kampung Rampayan Laut.

KKM juga mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal serta kesemua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Payas-Payas dan Kampung Rampayan Laut pada 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Bandar Darulaman, Jitra, Kedah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bandar Darulaman, Jitra, Kedah yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 1,183 ujian saringan di kawasan ini dan 173 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal serta kesemua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC manakala kontak rapat telah diasingkan dan dipantau sehingga hari ke-14.



Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Bandar Darulaman, Jitra, Kedah pada 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Lubuk Kawah, Jitra, Kedah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lubuk Kawah, Jitra, Kedah yang dijadualkan tamat pada 14 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 682 ujian saringan di kawasan ini dan 54 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kes terakhir yang direkodkan adalah pada 4 Jun 2021 iaitu satu (1) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Lubuk Kawah, Jitra, Kedah pada 14 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 94,095 pemeriksaan semalam, bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 780 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 748 individu dikompaun manakala 32 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (152)
- Tidak memakai pelitup muka (137)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (135)
- Bawa penumpang berlebihan (54)
- Tidak mematuhi arahan kawalan pergerakan (70)
- Lain-lain (232)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap lima (5) orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas satu (1) buah kenderaan darat.

Sebanyak 196 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 10 aktiviti penglihatan dan 12 orang PATI turut berjaya diusir melalui tiga (3) aktiviti pengusiran.

Op BENTENG melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 984 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

- Op PENAWAR/SJR PKP - 567 SJR
- Op BENTENG PDRM/ATM/RELA - 44 SJR
- Op BENTENG AKSEM - 9 SJR

### **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 110 operasi sanitasi dilakukan meliputi 52 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (6) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 759 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 210 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 139 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 27,443 operasi sanitasi yang merangkumi 157 zon telah dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

### **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 544 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 225,602 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,669 individu telah dikuarantin dan 214,262 orang dibenarkan pulang manakala 2,671 lagi dibawa ke hospital.

### **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 741 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (550), pemborong (160) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,378 pemeriksaan khas pematuhan SOP dan daripada jumlah itu, 1,366 premis patuh SOP, manakala 12 premis dikenakan kompaun kerana tidak patuh SOP.

### **Saringan Wajib Pekerja Warga Asing**

Semalam, seramai 25 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif yang direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,977 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,230 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,351 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,626 lagi adalah negatif.

Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

**Amalkan “Lockdown” sendiri, kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.**

Terima Kasih.

**YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**